

Malaysia Antara Negara Mengkagumkan Di Asia, Kata Ketua Bank Jepun Bernama
13 Julai, 2012

GEORGE TOWN, 13 Julai (Bernama) -- Malaysia adalah antara negara yang mengkagumkan di Asia dari segi pembangunan sosial dan ekonomi, kata ketua pegawai eksekutif Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (M) Bhd Masato Nakamura.

Beliau berkata Malaysia adalah destinasi pelaburan menarik berikutan lokasinya yang strategik di Asean dan Asia-Pasifik.

Nakamura berkata pelabur juga mendapat faedah daripada persefahaman dagangan bebas Asean dengan India, China, Australia, New Zealand, Jepun dan Korea Selatan.

"Syarikat Jepun juga tertarik dengan ekonomi Malaysia yang membangun, kedudukannya yang jauh dari bencana alam, prasarana yang baik dan tenaga kerja yang boleh berbahasa Inggeris," katanya selepas melancarkan cawangan pertama bank itu di Juru Auto City di sini pada Jumaat.

Duta Jepun ke Malaysia, Shigeru Nakamura, pengurus kanan pegawai eksekutif Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ Ltd Muneo Kurauchi, dan timbalan gabenor Bank Negara Malaysia Donald Joshua Jaganathan bersama-sama merasmikan pelancaran itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680369>